

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**  
**YB DATUK ROSNAH BTE ABDUL RASHID SHIRLIN**

**PERTANDINGAN *WORLDSKILLS MALAYSIA BELIA (WSMB)* PERINGKAT  
AKHIR TAHUN 2017  
AKADEMI BINAAN MALAYSIA (ABM) WILAYAH UTARA  
KEDAH**

**15 OGOS 2017**

---

**YB Dato' Hj. Ahmad Zaini bin Japar  
Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Kayu Hitam**

**YBhg. Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali  
Pengerusi  
Lembaga Pembangunan Industri dan Pembinaan Malaysia**

**YBhg. Dato' Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid  
Ketua Eksekutif  
Lembaga Pembangunan Industri dan Pembinaan Malaysia**

**YBhg. Datuk Haji Sarani Bin Dollah  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)  
Kementerian Kerja Raya**

**Tan Sri, Dato'- Dato', Datin-Datin,**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,**

**Assalamualaikum WBT, Salam sejahtera dan Salam 1 Malaysia.**

1. Alhamdulillah, segala puji-pujian dan rasa syukur dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana pada hari ini, dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun untuk meraikan Majlis Perasmian Pertandingan *WorldSkills Malaysia Belia (WSMB)* Peringkat Akhir tahun 2017.
  
2. Pertama sekali ingin saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada pegawai-pegawai Kementerian Kerja Raya, CIDB dan ABM Utara, selaku penyelaras utama, serta semua pegawai dan kakitangan daripada pelbagai

agensi dan jabatan merangkumi tenaga pakar, pengajar, hakim dan penilai termasuklah penaja pertandingan yang telah bersama-sama menjayakan penganjuran Pertandingan Akhir *Worldskills* Malaysia Belia (WSMB) 2017.

**Para hadirin yang saya hormati,**

3. YAB Perdana Menteri kita ada berkata ketika berucap merasmikan Seminar Sarana Ibu Bapa Dan Komuniti Parlimen Pekan bahawa pembangunan modal insan menjadi teras atau ‘tiang seri’ kepada kejayaan negara dan pengisian Transformasi Nasional 2050 (TN50). Malah, tumpuan kepada aspek berkenaan juga menjadi tiang seri kepada usaha untuk menentukan setiap keluarga menikmati masa depan yang lebih baik. Bidang pendidikan bukan hanya bersifat akademik semata-mata, namun pendidikan dalam bidang teknikal dan vokasional juga berupaya untuk meningkatkan pendapatan individu dan negara, jika dilakukan dengan bersungguh-sungguh ke peringkat tertinggi.
4. Kerajaan telah mencadangkan 5 aspek berkaitan modal insan untuk diketengahkan dalam pembentukan Transformasi Nasional 2050 (TN50). Antaranya adalah aspek celik ilmu pengetahuan, keseragaman pengurusan bakat, menjadi pusat kecemerlangan, nilai kemanusiaan dan kematangan berpolitik. Bagi menjayakan TN50, kita perlu melakukan pelaburan berkesan bagi melahirkan bakat tempatan yang komprehensif.
5. Kementerian Kerja Raya, melalui Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Akademi Binaan Malaysia (ABM), amat komited dalam usaha Kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam sektor pembinaan. Usaha ini diteruskan dengan pelancaran Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020 oleh YAB Perdana Menteri. Program tersebut, yang merupakan sebahagian daripada inisiatif Rancangan Malaysia Ke-11, menggariskan 4 teras strategik iaitu kualiti, keselamatan dan profesionalisme, kelestarian alam sekitar, produktiviti dan pengantarabangsaan bagi mentransformasi sektor pembinaan negara dalam tempoh lima tahun akan datang.

6. Penggunaan teknologi maju seperti BIM (*building information modelling*) dan IBS (*industrialised building system*) dalam sektor pembinaan secara meluas merupakan salah satu aktiviti yang digariskan dalam CITP. Usaha ini dapat memastikan industri pembinaan negara dapat mencapai kualiti pembinaan yang terbaik selain mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja asing. Bagi mencapai hasrat tersebut, tenaga kerja tempatan yang berkemahiran tinggi amat diperlukan dan salah satu platform untuk memenuhi keperluan tersebut adalah melalui pertandingan kemahiran teknikal yang diiktiraf sama ada di peringkat nasional ataupun antarabangsa.

**Tuan-tuan dan Puan-puan,**

7. *Worldskills Malaysia Belia (WSMB)* merupakan pertandingan kemahiran yang dipertanggungjawabkan kepada 2 buah Kementerian iaitu Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Kementerian Kerja Raya (KKR). Kementerian Kerja Raya akan mengurus setiakan 9 bidang kemahiran sektor pembinaan iaitu *welding, electrical installations, plumbing & heating, bricklaying, painting & decorating, joinery, wall & floor tiling, refrigeration & air conditioning* dan *mechanical engineering design*.

8. Pertandingan ini dibuka kepada belia berusia 18 hingga 21 tahun dan ianya terbahagi kepada dua peringkat iaitu pra-kelayakan dan akhir. Peringkat pra-kelayakan telah diadakan pada bulan April yang lalu dan seramai 344 orang peserta telah bertanding. Manakala hanya 64 orang sahaja yang terpilih ke peringkat akhir ini bagi menentukan peserta yang terbaik dalam setiap bidang kemahiran untuk mewakili Negara di peringkat Asean dan seterusnya peringkat antarabangsa.

9. Peserta–peserta yang terpilih ke WSMB, ASEAN Skills Competition (ASC) dan World Skills Competition (WSC) merupakan antara bakat-bakat tempatan yang unggul dan golongan belia yang mampu memainkan peranan penting dalam melakar corak pembentukan Malaysia untuk tempoh 30 tahun akan datang.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,**

10. Pertandingan *World Skills Competition* (WSC) kali ke 44 akan diadakan pada 8 hingga 20 Oktober 2017 di Abu Dhabi, UAE. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada peserta-peserta yang terpilih untuk mewakili Negara dalam WSC. Saya berharap para peserta akan dapat bertanding dengan hebat dan mencapai sasaran 5 pingat termasuk 1 pingat emas di WSC nanti.

11. Manakala ASEAN Skills Competition (ASC) kali ke 12 pula akan diadakan pada tahun hadapan, 2018 di Bangkok, Thailand. Hasil daripada pertandingan *World Skills* di peringkat nasional dan seterusnya di rantau ASEAN serta antarabangsa penting untuk kita memperkuuhkan dan memantapkan lagi sistem latihan teknikal dan latihan vokasional negara dengan menjadikan tahap kompetensi belia yang bertanding sebagai penanda aras.

12. Saya juga amat bangga melihat prestasi yang dipamerkan oleh peserta kita sepanjang pertandingan ini berlangsung. Saya yakin aspirasi bagi melahirkan golongan belia yang berkemahiran tinggi dan berkebolehan akan tercapai sekiranya semangat, dedikasi dan sifat tidak putus asa ini diteruskan.

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat maju jaya kepada peserta dan pihak yang terlibat dalam pertandingan ini. Marilah kita bersatu hati dan berjuang bersama-sama dalam memacu kemajuan negara kita melalui bidang kemahiran ini.

14. Dengan lafaz *bismillahirrahmanirrahim*, saya merasmikan Pertandingan *WorldSkills* Malaysia Belia Peringkat Akhir Tahun 2017.

Sekian. *Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

**Kementerian Kerja Raya  
Ogos 2017**